



Syukur Aku Ada Malaysia

Aku penasaran
Kenapa kita cenderung mencintai
Perkara yang datang dari luar
Sama ada bahasa, gaya mahupun perlakuan

Aku penasaran,
kenapa ada di antara kita yang taksub
menyanjung negara orang lain dan tanpa sedar
kaya dan indahnyanya tempat kita dilahirkan

Adakah kita menyangka
bahawa semua yang kita punya akan kekal
milik kita
Tanpa kesungguhan usaha dan jagaan?

Saudaraku,
Sebaiknya kita sedar sebelum kita sesal
Bila semua terlepas dari genggamannya
Sama ada maknawi atau hakiki

Sebaiknya kita syukuri apa yang kita miliki
Syukur bukan sekadar slogan dan retorik dilaungkan
Tindakan cerdas menata apa yang disuruh
Mengelak tegas yang dilarang

Syukur juga bermakna
Kita dengan sedar memapar citra pada yang
berhak dan hak
Bagai Jalur gemilang yang berhak dikibar
untuk memapar cinta pada tanah kelahiran

Ingatlah pesan bestari
Cinta negara adalah sebahagian daripada iman



Nukilan:
Dr. Fatmawati Latada
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

[View PDF](#)